

—
Bernama
09 November, 2012
Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah

SINGAPURA, 9 Nov (Bernama) -- Pelabur asing berharap untuk melihat kerajaan mesra perniagaan yang diterajui oleh Barisan Nasional di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak terus memerintah Malaysia.

Anthony Cragg, pengarah urusan dan pengurus portfolio kanan Wells Capital Management, sebuah firma pengurusan aset pelbagai berkata: "Pelabur asing dan pelaburan, tidak sukakan perubahan."

"Melihat hanya kepada pendapat Barat, mereka mahu melihat parti pemerintah menang kerana parti itu dilihat mesra perniagaan dan memandang ke hadapan.

"Secara ringkasnya, mereka telah menjalankan tugas dengan baik," katanya.

Cragg, yang mempunyai pengalaman luas dalam pelaburan ekuiti antarabangsa dalam negara maju dan negara pesat membangun berkata komuniti pelabur pada asasnya beranggapan bahawa lebih bagus jika parti sekarang kekal memerintah kerana "jika pihak pembangkang menang, saya tidak kata mereka tidak bagus, tetapi kita tidak tahu polisi mereka."

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708389>